

14 DEC 1997

Sidang-Abdullah

PIHAK LUAR PERLU PATUHI PERJANJIAN PEGANGAN EKUITI, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Malaysia mahukan pihak luar mematuhi peraturan dalam perjanjian mengenai ekuiti pegangan syarikat asing yang beroperasi dalam negaranya, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Kita hanya mengikut apa yang telah diputuskan di Geneva," katanya kepada pemberita di sini selepas perbincangan dua hala Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden China Jiang Zemin dan diikuti pertemuan antara Dr Mahathir dengan Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai di sini.

Katanya Malaysia berpendapat sepatutnya tidak ada pihak yang menyesali atau gusar mengenai pelaksanaan perjanjian itu.

Pendirian Malaysia adalah jelas iaitu akur terhadap keputusan yang telah dicapai, katanya.

Abdullah berkata demikian ketika ditanya sama ada syarikat insurans Amerika Syarikat, American International Group, perlu mengurangkan pegangannya dalam anak syarikat milik penuhnya di Malaysia berikutan keputusan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) di Geneva minggu lepas.

Malaysia dan Amerika Syarikat dikatakan berselisih faham sejak WTO membuat keputusan untuk menghapuskan halangan antarabangsa terhadap perluasan sektor perbankan, insurans dan industri sekuriti.

Malaysia dikatakan tidak mahu berganjak daripada tawaran yang mengikut perjanjian perkhidmatan kewangan iaitu siling pemilikan 51 peratus oleh syarikat asing ke atas institusi tempatan.

Amerika Syarikat bagaimanapun mendesak pemilikan asing yang tidak terhad.

"Jika kepunyaan syarikat asing itu lebih daripada 51 peratus, maka ia boleh dikurangkan kepada 51 peratus dan jika tahap 51 peratus itu dikurangkan maka ia adalah di bawah apa yang perjanjian telah diputuskan," katanya. -- BERNAMA

MHI RON